

**Dr. Hamid Sulaiman**  
Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang  
Kebangsaan (NAFAS)

# NAFAS


## Mengubah Sosioekonomi Petani

**S** EJUJURNYA, petani di negara ini perlu berubah dan tidak boleh lagi selesa di takuk lama. Jika dahulu petani sekadar menanam dan menunggu sehingga hari menuai, namun situasi pada masa ini sudah berubah. Pada era globalisasi yang serba mencabar ini, petani bukan sahaja perlu menguasai ilmu pertanian moden, bahkan mereka sendiri perlu aktif melaksanakan jaringan pembekalan sehingga pada peringkat global bagi mengaut keuntungan berganda.

Namun begitu, hal ini hanya dapat direalisasikan sekiranya petani di negara ini komited, mempunyai kemahiran dan menguasai ilmu pemasaran yang berkesan. Tidak cukup dengan itu, kerajaan sendiri perlu memastikan bidang ini memberikan jaminan dari segi kualiti hidup dan pendapatan tinggi, serta menyediakan insentif yang mendorong serta meningkatkan motivasi petani, sekali gus dapat mewujudkan harapan dan peluang besar, atau setidak-tidaknya menjadikan bidang pertanian bukan pilihan terakhir.

Bagi merealisasikan aspirasi negara, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah merangka pelan transformasi dan perancangan strategik yang dinamik. Pertubuhan itu dilihat begitu komited dalam usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi bagi membangunkan masyarakat peladang, khususnya dalam bidang pertanian. NAFAS bukan sahaja perlu seiring dengan saranan kerajaan dalam hal mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan sumber makanan, malah membantu membangunkan masyarakat peladang itu sendiri, sekali gus berkongsi keuntungan dengan mereka.

Komitmen kerajaan terhadap golongan tersebut terbukti menerusi peruntukan RM6.5 bilion kepada kelompok pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah menerusi Belanjawan 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Selain dapat memastikan golongan tersebut terus bersaing, langkah tersebut merupakan bukti keprihatinan kerajaan terhadap usaha dan jasa yang telah ditaburkan oleh warga peladang kepada kemajuan ekonomi negara. Insentif tersebut dilihat mampu melonjakkan motivasi petani dan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup sosioekonomi warga peladang pada masa hadapan.



Antara produk eksklusif Pertubuhan Peladang yang menggunakan jenama PELADANG.

Peruntukan terbesar yang diberikan itu meliputi RM2.3 bilion bagi bantuan atau insentif seperti baja dan input pengeluaran kepada pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan, RM500 juta bagi menambah baik infrastruktur pengairan di kawasan pertanian dan menaik taraf jalan ladang, RM140 juta bagi program pembangunan dan penanaman semula kelapa sawit dan RM200 juta bagi inisiatif sumber kekayaan baharu, khususnya penanaman jagung, kelapa, durian, sektor kuliner serta industri tenusu.

Paling menarik ialah bantuan RM200 sebulan kepada para pesawah bagi tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian padi dengan peruntukan hampir RM150 juta. Sebelum itu, pada majlis perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2017 (HPPNK 2017) dan Festival Makanan Malaysia 2017, perdana menteri telah mengumumkan peruntukan sekali beri (*one off*) sebanyak RM30 ribu kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bagi tujuan memantapkan dua buah organisasi tersebut, serta memanfaatkan sejumlah sejuta ahli dalam kalangan peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, bagi meninjau senario dan hala tuju kelompok petani, sidang editor *Dewan Ekonomi* kali ini berpeluang menemui bual Dr. Hamid Sulaiman, Pengurus Besar NAFAS bagi mengupas Program Transformasi NAFAS 2012-2020 dan peranannya dalam usaha membangunkan sosioekonomi golongan tersebut.

Program yang menggariskan enam teras utama, iaitu pembangunan modal insan, penyatuan dan pengemblengan sumber dana, pembentukan bank tanah, pembangunan rantaian nilai, memperkasakan rangkaian pemasaran serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjadi penggerak kepada pelibatan lebih aktif Pertubuhan Peladang (PP) dalam sektor pertanian.

"Antara objektif utama pelan transformasi NAFAS ialah melihat petani menggunakan aplikasi teknologi penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi dan amalan terbaik bagi meningkatkan pengeluaran, selain meneroka pasaran baharu sehingga pada peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka," jelas Dr. Hamid sewaktu diwawancara di pejabat beliau yang terletak di Kota Damansara, Selangor.

Menurut Dr. Hamid, NAFAS memberikan fokus kepada enam strategi teras tersebut bagi memperkasakan pertubuhan, sekali gus memberikan manfaat kepada ahlinya. Mengulas tentang perinciannya, Dr. Hamid memberitahu, penubuhan Dana Peladang Kebangsaan (DPK) yang dilancarkan oleh perdana menteri semasa Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke-39 pada 17 Disember 2012 menjadi pencetus kepada penubuhan bank peladang pada masa hadapan.

"Penubuhan DPK ini merupakan sebahagian daripada strategi lautan biru NAFAS sebagai pertubuhan induk peladang negara. Matlamat utama penubuhan DPK mencakupi penyediaan perkhidmatan kewangan kepada ahli dan rangkaian pertubuhan peladang yang melibatkan NAFAS, 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 278 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), dan 881 684 ahli peladang di seluruh negara.

"Penubuhan DPK ini merupakan satu daripada enam teras transformasi yang bertujuan mewujudkan satu saluran pusat pengumpulan dan penggunaan dana bagi mengurangkan penggunaan modal daripada sumber luar, sekali gus memastikan keuntungan yang diperolehi dapat dikongsi bersama-sama ahli melalui pembayaran dividen dan bonus," katanya.

Tambah Dr. Hamid, diharap melalui penubuhan DPK menjadi instrumen kewangan utama kepada peladang dan pelengkap kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Dasar Agromakanan Negara (DAN) dalam usaha membantu kerajaan meningkatkan ekonomi peladang dan penternak, serta dapat mengukuhkan sektor pertanian negara.

"Dengan adanya sumber dana yang terancang, DPK dapat mempercepat proses PP untuk menjadi pengeluar utama makanan negara dan dapat mengurangkan import makanan," jelas Dr. Hamid.

Mengulas lanjut tentang lima lagi teras transformasi NAFAS, Dr. Hamid memberitahu, dalam usaha memastikan program yang dijalankan berjalan dengan lancar, asas kepada gerakan PP, iaitu modal insan dan sumber modal menjadi fokus utama. Pembangunan modal insan yang terbahagi kepada pembangunan formal, semi formal dan kerohanian dilaksanakan bagi membentuk jati diri dan nilai peladang yang kuat.

Melalui pembangunan formal, ujar Dr. Hamid, Kolej Universiti NAFAS telah ditubuhkan dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Taj International College (TIC). Kerjasama ini memberikan peluang pengajian pada peringkat asasi dan diploma kepada anak-anak peladang bagi melahirkan generasi pelapis yang mahir dan berpengetahuan tinggi, sekali gus dapat merancakkan sektor pertanian negara.

Dalam usaha memakmurkan negara dengan hasil pertanian, penggunaan secara optimum tanah pertanian menjadi agenda dalam teras ketiga Program Transformasi. Melalui teras ini, maklumat tanah terbiar milik ahli peladang dikumpulkan dan disimpan dalam pangkalan data berpusat untuk memudahkan mana-mana ahli peladang atau PP menilai kesesuaian lokasi dan demografi tanah dalam pembangunan projek pertanian yang berpotensi. Dengan cara ini, tanah pertanian dapat dibangunkan dan dapat memberikan pulangan kepada pemilik tanah yang tidak mempunyai modal untuk membangunkan tanah pertanian tersebut.

Selain itu, NAFAS juga menjalinkan kerjasama dengan organisasi peladang antarabangsa seperti dari Jepun dan Korea untuk membawa masuk kepakaran, teknologi, input pertanian serta produk makanan dari luar. Menurut Dr. Hamid, NAFAS juga merupakan anggota World Farmers Organisation (WFO) yang berpangkalan di Rome, Itali.

Menyoroti sejarah penubuhan NAFAS, pertubuhan tersebut telah dilancarkan pada 31 Mac 1972 oleh Perdana Menteri Malaysia ke-2, Allahyarham Tun Abdul Razak. Pada peringkat awal penubuhannya, NAFAS yang dikenali sebagai Persatuan Peladang Kebangsaan telah didaftarkan di bawah Akta Persatuan Peladang 1967 dan bertindak sebagai badan induk kepada persatuan-persatuan peladang di seluruh negara. Penubuhan persatuan peladang pada ketika itu



Rajah 1 Jumlah keahlian dan jumlah pertubuhan peladang pada peringkat kawasan dan negeri.

telah diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri hasil daripada lawatan beliau ke Taiwan. Seiring dengan peredaran masa dan bagi membolehkan pergerakan peladang bergerak maju, persatuan peladang dan syarikat kerjasama asas tani di seluruh Malaysia telah dicantumkan dan menjadi Pertubuhan Peladang Kawasan dan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973. Kemudian, seiring dengan perubahan pada peringkat kawasan dan negeri, Persatuan Peladang Kebangsaan juga telah didaftarkan semula sebagai Pertubuhan Peladang Kebangsaan pada tahun 1984.

Sesuai dengan peranan NAFAS sebagai induk pertubuhan peladang, NAFAS telah mencéburkan diri dalam pelbagai aktiviti perniagaan dan pelaburan, khususnya dalam bidang pertanian. Pada awal penubuhannya, NAFAS telah menjalankan perniagaan peruncitan, pemasaran baja dan pemasaran jentera pertanian.

Pada masa ini, Dr. Hamid berkata, NAFAS melabur dalam bidang pengilangan baja kimia yang berpangkalan di Gurun, Kedah selain usaha tanaman sawit di Indonesia serta aktiviti perdagangan, terutamanya pembekalan input pertanian seperti racun dan baja kepada petani tempatan. Selain itu, tambahnya, NAFAS juga menjadi induk kepada pembekalan ayam daging kepada institusi kerajaan bagi mengukuhkan lagi sumber kewangannya.

"Sepanjang 45 tahun NAFAS ditubuhkan, banyak cabaran dan dugaan berjaya ditempuhi, khususnya dalam usaha menjalankan aktiviti ekonomi. Atas sokongan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, secara beransur-ansur NAFAS telah berjaya menaungi 13 buah syarikat subsidiari yang pada masa ini merupakan penyumbang

NAFAS telah berjaya menaungi 13 buah syarikat subsidiari yang pada masa ini merupakan penyumbang utama pendapatan Kumpulan NAFAS serta mengukuhkan nilai rantaian PP.



Rajah 2 Pelan Transformasi NAFAS bagi tahun 2012 hingga tahun 2020.

**NAFAS telah dilantik sebagai pemegang amanah untuk memasarkan produk terpilih sebagai produk eksklusif PP dengan jenama PELADANG.**

utama pendapatan Kumpulan NAFAS serta mengukuhkan nilai rantaian PP. Antara syarikat subsidiari tersebut termasuklah NAFAS Bajakimia Sdn. Bhd., NAFAS Agri Services Sdn. Bhd., NAFAS Jentera Sdn. Bhd., NAFAS Estates Sdn. Bhd., NAFAS Plastic Industries Sdn. Bhd., NAFAS Food Processing & Marketing Sdn. Bhd., NAFAS Modal Insan Sdn. Bhd., Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd.

Tambah Dr. Hamid, setiap syarikat subsidiari NAFAS menjalankan fungsi dan aktiviti perniagaan yang berbeza. Antara perniagaan yang telah diceburi termasuklah pembekalan dan perkhidmatan pembaikan jentera perladangan, pembekalan benih dan input pertanian, pengimportan bahan asas baja, perladangan dan pengilangan sawit, pengilangan dan pembekalan baja, pengilangan dan pembekalan ayam serta pengilangan plastik.

"Di samping itu, NAFAS mula mengorak langkah menceburi bidang pengeluaran jagung bijian bagi memenuhi keperluan makanan ternakan ayam yang selama ini diimport. NAFAS Feedmills Sdn Bhd, telah ditubuhkan berfungsi untuk mengilang dan memproses makanan ternakan dengan menggunakan formula, kepakaran dan teknologi dari Korea. Syarikat yang beribu pejabat di Muar, Johor ini juga akan menjadi pemangkin kepada pelibatan lebih banyak ahli

peladang dalam industri penanaman jagung bijian bagi membangunkan industri makanan ternakan. Hal ini sekali gus dapat mengukuhkan rantaian nilai pertubuhan peladang dan juga membantu kerajaan menstabilkan harga ayam, khususnya untuk kepentingan pengguna," katanya.

Mengulas lanjut tentang perihal menaiktarafkan produk keluaran gerakan Peladang, Dr. Hamid memberitahu, NAFAS telah dilantik sebagai pemegang amanah untuk memasarkan produk terpilih sebagai produk eksklusif PP dengan menggunakan jenama PELADANG. Antara produk yang ditawarkan merangkumi makanan, input pertanian serta minyak pelincir. Seterusnya, produk ini dipasarkan melalui pelbagai rangkaian pemasaran seperti Pasar Raya Agro, Agrobazaar Rakyat Malaysia (ABRIM), My Farm Outlet serta melalui rangkaian pasar raya Mydin di seluruh Malaysia.

Sehingga kini, terdapat hampir 200 produk di bawah jenama PELADANG, termasuklah produk makanan dan bukan makanan. Tambah Dr. Hamid, produk di bawah jenama PELADANG merupakan produk terpilih yang mematuhi standard piawajian, akreditasi dan pensijilan berdasarkan standard yang dikehendaki - HALAL, Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) dan Good Agricultural Practices (GAP).

"Antaranya produk makanan seperti sos, pes masakan, cip nangka dan makanan di dalam tin, manakala produk bukan makanan adalah seperti minyak pelincir, baja dan biji benih. Sehingga kini, terdapat sebuah Pasar Raya Agro di Bera, Pahang yang beroperasi sejak September 2015 dan sebuah lagi baru beroperasi di Ibu Pejabat NAFAS, Kota Damansara pada hujung bulan Oktober 2017.

Pada masa ini, sebanyak 22 ABRIM telah diwujudkan di beberapa buah negeri, antaranya di Selangor, Perlis, Perak, Melaka, Johor, Pahang dan Labuan. Selain itu, bagi meningkatkan pelibatan NAFAS dalam aktiviti pemasaran dan peruncitan, penubuhan Agro Edaran Sdn. Bhd. berperanan untuk mengumpulkan produk pengguna untuk dipasarkan bersama-sama jenama PELADANG.

Dalam pada itu, menerusi NAFAS Food Processing and Marketing pula, NAFAS berupaya memproses ayam bersih antara 4000 ekor hingga 12 ribu ekor sehari. Dr. Hamid memberitahu, NAFAS juga mempunyai ladang dan kilang sawit seperti di Ladang Sungai Serai (344 hektar), Ladang Sungai Chemaran (162 hektar), Ladang Saby (121 hektar) dan Ladang P.T NAFASINDO (13 488 hektar) menerusi NAFAS Estates.

Dalam usaha memastikan keseimbangan pulangan dan tidak bergantung pada pendapatan syarikat subsidiari semata-mata, Dr. Hamid menjelaskan, NAFAS juga telah membuat pelaburan dan memiliki pegangan saham dalam beberapa syarikat terpilih seperti Howard Alat Pertanian Sdn. Bhd., ACM Sdn. Bhd., FY Food Processing Sdn. Bhd., Konsortium Pasar Borong Sdn. Bhd., Budaya Generasi (M) Sdn. Bhd., Medan Juara Sdn. Bhd., serta Permodalan Peladang Berhad. Tambahnya, NAFAS juga menggalakkan perkongsian keuntungan antara NAFAS dengan ahli-ahlinya.

Selain itu, menurut Dr. Hamid, NAFAS telah membuka peluang pelaburan kepada ahli peladang dalam pembinaan kilang baja milik salah satu syarikat subsidiari NAFAS, iaitu Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. yang dikenali sebagai Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP). Pembinaan kilang ini berkeupayaan mengeluarkan 12 jenis formula baja sebatian dengan 310 ribu tan metrik setahun.

Ujar Dr. Hamid, selain memberikan fokus kepada aktiviti perniagaan, NAFAS juga tidak pernah alpa memberikan bantuan dan memenuhi tuntutan sosial ahli peladang. Melalui Tabung Kumpulan Wang NAFAS, NAFAS telah menjalankan tanggungjawab sosialnya dengan memberikan bantuan kepada PPN, PPK dan juga warga peladang di seluruh negara.

Selain penubuhan syarikat subsidiari yang berorientasikan keuntungan untuk menandakan pendapatan tambahan kepada warga peladang, NAFAS terus mengorak langkah dengan menitikberatkan aspek sosioekonomi ahlinya. Dr. Hamid berkata, antara program yang berjaya dilaksanakan termasuklah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Program Input Bersepadu (PIB) serta Skim Payung Ayam Daging (SPADA). SBPKP dan SIPP merupakan program kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara. Melalui program ini, NAFAS telah dilantik sebagai pembekal dan memainkan peranan yang penting dalam pengedaran baja serta input pertanian.

Dalam usaha membangunkan aktiviti penternakan, khususnya penternakan ayam, NAFAS telah memperkenalkan Skim Payung Ayam Daging (SPADA) bermula tahun 1985. Melalui program ini, NAFAS membekalkan anak ayam serta makanan ayam kepada para penternak yang terdiri daripada ahli peladang. Kemudian apabila tiba tempoh matang, ayam tersebut dibeli

semula oleh NAFAS untuk dibekalkan kepada agensi kerajaan dan penjualan pasaran terbuka.

Selain menjalankan aktiviti perniagaan, NAFAS juga memberikan fokus kepada pembangunan intelektual dan sahsiah. Antara aktiviti yang dijalankan oleh NAFAS sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya termasuklah penganjuran program Jalanan Tani, Mesra Peladang, sumbangan Kumpulan Wang serta pembayaran zakat perniagaan NAFAS dan Kumpulan.

Menurut Dr. Hamid, NAFAS menganjurkan program Jalanan Tani sebagai usaha mendekati golongan petani dan peladang, sekali gus dapat memastikan kejayaan bantuan kerajaan, khususnya Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Baja Padi (SIPP). Antara pengisian program ini termasuklah sesi dialog bagi mendapatkan maklum balas ahli peladang serta taklimat penggunaan baja dan racun bagi meningkatkan kefahaman ahli peladang.

"Objektif utama Jalanan Tani adalah untuk mengeratkan hubungan NAFAS dengan golongan petani daripada peringkat akar umbi sehingga pemimpin PP. Program ini juga dapat memberikan impak positif kepada pergerakan NAFAS, terutamanya dalam hal memperluas promosi, memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat petani."

Hasilnya, selari dengan visi NAFAS untuk menjadi sebuah institusi yang menerajui penggerakan pertubuhan peladang sebagai badan perniagaan yang berdaya maju, maka teras yang dibangunkan itu bertindak dan saling melengkapi. Transformasi nilai, minda serta sistem di setiap lapisan pergerakan dapat dibentuk dan terpahat kukuh sehingga menyerlahkan citra NAFAS sebagai induk pertubuhan peladang dan tempat ahlinya bergantung harap.

Demikian juga dengan misi NAFAS untuk menjadi teras kepada satu pergerakan yang kukuh dan dapat melibatkan ahli peladang dan institusinya secara aktif, "wajah" pergerakan peladang juga ditransformasikan kepada pergerakan bersifat korporat dan komersial. Malahan, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa cita-cita NAFAS untuk menjadi gedung makanan negara bakal menjadi kenyataan pada tahun 2020.

"Biarlah Persatuan Peladang (NAFAS) ini menjadi harta pusaka yang diwarisi turun-temurun sebagai alat kemajuan dan perpaduan negara kita," Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ke-2 (24 Mac 1972). •

**Misi NAFAS untuk menjadi teras kepada satu pergerakan yang kukuh dan dapat melibatkan ahli peladang dan institusinya secara aktif, "wajah" pergerakan peladang juga ditransformasikan kepada pergerakan bersifat korporat dan komersial.**